TRANSWATER CORPORATION BHD

lwn.

IDRIS HYDRAULIC (MALAYSIA) BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHD GHAZALI YUSOFF H
[SYARIKAT-SYARIKAT (PENGGULUNGAN) NO: D1-28-80-99]
2 MEI 2000

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan - Petisyen - Permohonan membatalkan petisyen - Samada pempetisyen seorang pemiutang - Samada hutang dipertikaikan - Tidak terdapat hutang penghakiman - Samada petisyen satu penyalahgunaan proses mahkamah*

Responden telah memfailkan satu notis usul memohon antara lain agar petisyen penggulungan yang difailkan terhadapnya oleh pempetisyen dibatalkan dibawah kuasa yang sedia ada mahkamah atas alasan petisyen tersebut adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah. Di dalam afidavit menyokong notis usul tersebut, responden mengatakan bahawa petisyen tersebut wajar dibatalkan kerana (i) wujudnya ketakdedahan fakta-fakta yang material dalam petisyen; (ii) petisyen tersebut mengandungi pernyataan-pernyataan yang keliru dan (iii) hutang yang dituntut adalah dipertikaikan. Mahkamah membenarkan notis usul tersebut.

Diputuskan:

[1] Notis s. 218 yang diserahkan kepada responden tidak merupakan keterangan *prima facie* wujudnya hutang. Notis itu hanya merupakan surat tuntutan bagi menimbulkan anggapan bahawa responden tidak berkemampuan membayar hutangnya. Pempetisyen masih perlu membuktikan bahawa mereka adalah pemiutang dan bahawa amaun yang dituntut dalam notis itu sememangnya hutang.

[2] Sesuatu petisyen penggulungan bukanlah cara yang tepat dan sah bagi menguatkuasakan pembayaran hutang yang belum diputuskan dengan jelas oleh mahkamah. Jika cara ini dipakai, mahkamah apabila berhadapan dengan petisyen penggulungan yang mana hutang tidak disokong oleh penghakiman dipertikaikan, hendaklah pertamanya mengasaskan hutang yang kena dibayar itu.

[3] Adalah tidak tepat dan wajar bagi pempetisyen mengemukakan petisyen ini apabila fakta menunjukkan dengan jelas bahawa pada awalnya amaun yang dituntut itu dipertikaikan secara serius oleh responden. Lagipun tidak ada prejudis yang akan dialami oleh pempetisyen jika petisyen ini dibatalkan memandangkan pempetisyen masih berhak membuat tuntutan terhadap responden bagi amaun yang dituntut tersebut melalui satu guaman sivil.

[Petisyen penggulungan dibatalkan.]

Kes yang dirujuk:

In re Ban Hong Co Ltd [1959] MLJ 100 ***(diikuti)***

Jurupakat Sdn Bhd v. Kumpulan Good Earth (1973) Sdn Bhd [1988] 2 CLJ 649 ***(dirujuk)***

Sri Hartamas Development Sdn Bhd v. MBf Finance Bhd [1992] 1 CLJ 637 ***(dirujuk)***

YPJE Consultancy Service Sdn Bhd v. Heller Factoring (M) Sdn Bhd [1996] 3 CLJ 51 ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:

Bills of Exchange Act 1949, ss. 88(1), 93(a)
Companies Act 1965, s. 218(1)(e), (2)(a)
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19

Sumber yang dirujuk:

Osborne's Concise Law Dictionary, edisi 7

Bagi pihak pempetisyen - R Mohan Krishnan; T/n Sri Ram & Co
Bagi pihak responden - Mohd Arif Yusof (Chua Eng Seong bersamanya); T/n Cheang & Ariff
Bagi pihak pegawai penerima - Sharifah Noraini

Dilaporkan oleh Izzaty Izzuddin

PENGHAKIMAN

Mohd Ghazali Yusoff H:

Pada 29 Januari 1999 pempetisyen telah memfail petisyen ini (lampiran 1) untuk menggulung responden dan berikutnya petisyen telah ditetapkan untuk pendengaran pada 16 Julai 1999. Walau bagaimanapun, pada 9 Julai 1999 responden telah memfail satu notis usul (lampiran 11) dan memohon, antara lain, perintah-perintah berikut:

(i) bahawa petisyen dibatalkan di bawah kuasa sedia ada mahkamah atas alasan ianya penyalahgunaan proses mahkamah;

(ii) bahawa pempetisyen diperintah membayar kos kepada responden atas indemniti penuh atas asas peguamcara dan pelanggan.

Notis usul itu telah ditetapkan untuk pendengaran pada 24 Mac 2000 dan pada tarikh itu saya telah membenarkan permohonan responden. Terhadap keputusan itu pempetisyen telah merayu kepada Mahkamah Rayuan.

Kedua-duanya pempetisyen dan responden adalah syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Petisyen menunjuk responden telah ditubuhkan pada 30 November 1983 dan modal yang dibenarkan adalah 1,000,000,000 syer biasa yang setiap satu berharga RM0.50 dan modal berbayarnya adalah RM592,782,214. Pempetisyen menuntut responden berhutang kepadanya sebanyak RM40,641,000 ("amaun tersebut").

Sebelum petisyen difailkan peguamcara pempetisyen, Tetuan Isharidah, Ho, Chong & Menon telah menghantar-serah melalui tangan satu notis tuntutan ("notis itu") menuruti s. 218(2)(a) Akta Syarikat 1965 ("Akta itu") bertarikh 9 Oktober 1998 kepada responden di pejabat berdaftarnya. Menurut notis itu, responden dikehendaki membayar kepada pempetisyen amaun tersebut dalam masa dua puluh satu hari dari penerimaan notis itu. Responden tidak membuat apa yang dipinta dan oleh itu, petisyen ini. Notis itu dalam bahasa asalnya berbunyi:

STATUTORY NOTICE OF DEMAND
PURSUANT TO SECTION 218(2)(a)
OF THE COMPANIES ACT

To: Messrs Idris Hydraulic (Malaysia) Berhad
Level 21, Wisma Idris,
No. 17, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

TAKE NOTICE that we as solicitors for Messrs Transwater Corporation Berhad of Level 17, Menara Shahzan, No. 30, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, do hereby require you to pay the sum of Ringgit Malaysia Forty Million Six Hundred and Forty One Thousand (RM40,641,000.00) in accordance to the Promissory Note dated 12th September 1997 issued in favour of our clients pursuant to a Deed of Novation cum Assignment dated 12th September 1997.

AND FURTHER TAKE NOTICE that in the event of your failure and/or refusal to make payment of the said sum of RM40,641,000.00 within twenty one (21) days from the date of receipt of this Statutory Notice Demand you will be deemed to unable to pay your debts and appropriate action will be taken up for Winding-up of Messrs Idris Hydraulic (Malaysia) Berhad.

Dated the 9th day of October, 1998

(Sgd)

Messrs Isharidah, Ho, Chong & Menon
Solicitors for Transwater Corporation Berhad.

Adalah menjadi kes pempetisyen oleh kerana responden gagal membayar amaun tersebut dalam masa dua puluh satu hari, responden adalah disifatkan tidak boleh membayar hutang mereka dan oleh demikian adalah adil dan berekuiti bahawa responden digulung.

Petisyen menunjuk menurut satu perjanjian jual beli saham bertarikh 28 Disember 1996 yang dimasuk antara Reka Pacific Berhad (RPB) dan pempetisyen (selepas ini dirujuk sebagai "share sale agreement", RPB bersetuju menjual kepada pempetisyen dua (2) saham, yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya, sebuah syarikat bernama Resort Cruises Sdn Bhd (RCSB), yang mana merupakan keseluruhan kepentingan ekuiti RPB dalam RCSB, secarai tunai dengan harga RM228,160,000.

Menurut petisyen, setakat 12 September 1997, sebuah syarikat yang bernama Ilham Desiran Sdn Bhd (IDSB) yang merupakan anak syarikat pempetisyen, adalah pemunya benefisial 4,514,000 saham sebuah syarikat awam yang bernama Prime Utilities Berhad (PUB). Di samping itu, IDSB dinyatakan sebagai berada dalam keadaan untuk memperolehi 1,486,000 lagi saham PUB untuk dijual (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai saham-saham PUB itu). Menurut satu perjanjian jual beli saham bertarikh 12 September 1997 yang dimasuk antara responden dan IDSB (selepas ini dirujuk sebagai "corresponding share sale agreement"), IDSB bersetuju menjual kepada responden saham-saham PUB itu dengan harga RM142,500,000.

Bagi memberi efek kepada perolehan saham yang dirujuk dalam "share sale agreement" itu, responden pada 12 September 1997 telah memasuki satu lagi perjanjian yang bertajuk "Novation cum Assignment agreement" bersama pempetisyen dan RPB dalam mana pempetisyen menyerahhak semua hak, hakmilik dan kepentingan mereka dalam "share sale agreement" itu kepada responden dengan balasan yang berbentuk fee serahhak sebanyak RM42,780,000. Sejumlah RM2,139,000 yang merupakan 5% fee serahhak itu telah dibayar oleh responden apabila "Novation cum Assignment" agreement itu menjadi efektif menurut fasal 4 perjanjian itu. Sejumlah RM40,641,000, iaitu, amaun tersebut, yang merupakan 95% fee serahhak itu hendaklah dibayar oleh responden dalam tempoh tiga (3) bulan, iaitu, pada atau sebelum 11 Disember 1997. Bagi menuruti terma-terma Novation Cum Assignment agreement itu, responden telah menerbitkan dan memajukan kepada pempetisyen satu nota janji hutang bersetem bertarikh 12 September 1997 bagi amaun tersebut. Nota janji hutang itu berbunyi:

PROMISSORY NOTE

RINGGIT MALAYSIA FORTY MILLION SIX HUNDRED AND FORTY ONE THOUSAND (RM40,641,000.00) FOR VALUE RECEIVED, We, IDRIS HYDRAULIC (MALAYSIA) BERHAD (Company No. 110930-U) a company incorporated in Malaysia under the Companies Act, 1965 and having our registered office at Level 21, Wisma Idris, No. 17, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur (hereinafter referred to as the Company) hereby irrevocably and unconditionally promise to pay to TRANSWATER CORPORATION BERHAD (Company No. 67617-M), a company incorporated in Malaysia under the Companies Act, 1965 and having its registered office at Level 17, Menara Shahzan Insas (formerly known as Shahzan Prudential Tower), No. 30, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur on the 11th day of December, 1997 in the sum of Ringgit Malaysia Forty Million Six Hundred and Forty One Thousand (RM40,641,000.00) and such payment to be made free and clear of, and without deduction for or on account of any present or future tax, levy, duty, impost, withholding, restriction and governmental charge of any kind whatsoever imposed by any competent authority or any deduction whatsoever.

This note shall be construed and take effect according to the Laws of Malaysia and shall expressly exclude the days of grace allowed by Section 14 of the Bills of Exchange Act 1949 (Revised-1978).

This note shall be binding on our successors-in-title and permitted assigns.

Dated this 12th day of September, 1997.

The Common Seal of)
IDRIS HYDRAULIC (MALAYSIA))
BERHAD is duly)
affixed hereto in accordance)
with its Articles of Association)
in the presence of:)

(Sgd) (Sgd)

... ...
Director Secretary.

Pempetisyen mendakwa responden gagal dan enggan membayar amaun tersebut yang kena dibayar pada 11 Disember 1997. Berikutnya pempetisyen telah mengeluarkan notis itu terhadap responden bagi menuntut amaun tersebut tetapi responden gagal dan enggan membuat pembayaran dan oleh itu mereka mengemukakan petisyen ini dan pohon:

(a) responden digulungkan;

(b) kos petisyen ini ditaksirkan oleh pegawai mahkamah dan dibayar daripada aset responden kepada pempetisyen; dan

(c) bahawa pegawai penerima dilantik sebagai penyelesai sementara.

Seperti dibincang di atas, pada 9 Julai 1999 responden telah memfail notis usul ini dan memohon, antara lain, bahawa petisyen dibatalkan di bawah kuasa sedia ada mahkamah atas alasan ianya penyalahgunaan proses mahkamah. Dalam afidavit bagi menyokong notis usul itu, responden menegas amaun tersebut yang dituntut oleh pempetisyen dipertikaikan dan di samping itu pendirian pempetisyen bahawa mereka adalah pemiutang juga dipertikaikan. Antara alasan-alasan yang dikemukakan oleh responden bagi menyokong permohonannya untuk membatalkan petisyen adalah:

(a) wujudnya ketakdedahan fakta-fakta yang material dalam petisyen;

(b) petisyen mengandungi pernyataan-pernyataan yang keliru;

(c) kewujudan hutang yang dituntut itu dipertikaikan.

Dalam afidavit bagi menyokong permohonannya, responden menjelas antara tahun 1996 dan 1997 mereka bercadang membeli taruhan majoriti dalam PUB memandangkan PUB dalam proses mendapatkan beberapa kontrak kerajaan yang berharga dan beruntung. Untuk mencapai cita itu, pada awal tahun 1997 mereka telah berunding dengan satu Truchamp Sdn Bhd untuk membeli taruhan majoriti dalam PUB yang terdiri daripada 12,011,000 saham dan 1,500,000 waran. Kemudiannya, mereka telah didatangi satu Soh Chee Wen dan satu Dato Wan Adli Wan Ibrahim yang merupakan wakil-wakil RPB dan pempetisyen dan dimaklum RPB dan pempetisyen berminat menjual 11,408,000 saham PUB kepada mereka. Harga bagi tiap-tiap satu saham PUB dalam bulan April 1997 adalah RM21. RPB dan pempetisyen menyata mereka berupaya mengurus jualbeli saham majoriti PUB dan bagi menyakinkan responden, RPB dan pempetisyen menyalah nyata saham PUB sebanyak 11,408,000 itu tersedia serta merta dan bahawa anak syarikat pempetisyen, iaitu, IDSB adalah pemilik berdaftar 4,514,000 saham PUB.

Pihak pempetisyen dan RPB berikutnya menyalah nyata mereka mempasti responden akan memperolehi taruhan majoriti dalam PUB sebelum 23 Disember 1997. Seterusnya Dato Wan Adli Wan Ibrahim tersebut menyalah nyata disebabkan satu opsyen yang diberi oleh RPB di bawah “share sale agreement” itu, dan ini disahkan oleh Soh Chee Wen tersebut bagi pihak RPB, pempetisyen berupaya mendapatkan taruhan majoriti dalam PUB. Mendasarkan demikian, responden bersetuju membeli saham-saham PUB itu daripada pempetisyen dan RPB dan seterusnya membatalkan semua perundingan dengan Truchamp Sdn Bhd.

Berikutnya, dalam bulan Julai 1997, pempetisyen menyalah nyata pihaknya hanya boleh memperoleh taruhan majoriti dalam PUB untuk responden dengan syarat responden membeli saham-saham PUB itu yang dipegang atau yang akan diperolehi oleh IDSB pada tarikh kemudian kerana saham-

saham PUB itu belum pada masa itu tersedia serta merta. Oleh kerana amat sukar bagi responden kembali semula berunding dengan Truchamp Sdn Bhd, mereka dengan tiada pilihan lain bersetuju membeli saham-saham PUB itu yang dipegang oleh IDSB atas syarat nyata bahawa sebanyak 11,408,000 saham PUB yang dipegang oleh pempetisyen di bawah "share sale agreement" itu akan juga dijual dan dipindahkan kepada responden dan ini dipersetujui oleh pempetisyen dan RPB.

Responden mendakwa mereka didorong membeli saham-saham PUB itu daripada pempetisyen atas syarat nyata bahawa "share sale agreement" itu akan diserah hak kepada responden dan bahawa saham PUB yang sebanyak 11,408,000 itu akan juga dipindahkan kepada responden. Oleh itu, mendasarkan salah nyataan pempetisyen, responden telah sempurnakan "corresponding share sale agreement" itu. Seterusnya responden telah membeli saham-saham PUB itu atas akujanji pempetisyen dan RPB bahawa responden akan mendapat taruhan majoriti dalam PUB sebelum 23 Disember 1997. Dengan niat baik responden telah membayar RM142,500,000 bagi menyempurnakan "corresponding share sale agreement" itu.

Adalah menjadi pendirian responden bahawa pempetisyen telah serah hak kesemua hak, hakmilik dan kepentingan mereka di bawah "share sale agreement" itu kepada responden tetapi berikutnya telah mendapat, dan ini diakui oleh RPB sendiri, bahawa keseluruhan transaksi itu merupakan satu perjanjian kosong. Pada atau sebelum 23 Disember 1997, iaitu, tarikh yang dimasukkan ke dalam perjanjian untuk menyesuaikan pemindahan saham-saham PUB itu kepada responden, mereka dimaklum secara lisan oleh wakil RPB, iaitu, Soh Chee Wen bahawa saham-saham PUB itu telah dicagarkan kepada pihak ketiga dan oleh itu tidak tersedia untuk dipindahkan kepada responden. Seterusnya, atas pertanyaan responden, RPB mengesah secara bertulis saham-saham PUB itu tidak dapat diperolehi oleh responden. Oleh itu, responden bertikai nota janji hutang itu tak sah, tidak boleh dikuatkuasakan dan/atau bersyarat.

Oleh kerana transaksi itu adalah genting kepada responden dan bahawa masa menjadi asas, responden dengan serta merta memasuk satu perjanjian jual beli dengan Truchamp Sdn Bhd tersebut pada 6 Januari 1998 untuk membeli 12,011,000 saham PUB dan 1,500,000 waran PUB bagi mendapat taruhan majoriti dalam PUB dan perjanjian itu telahpun disempurnakan. Responden telah membeli saham-saham itu dengan harga yang lebih tinggi, iaitu RM410,000,000 dan pembayaran sebanyak RM310,000,000 telahpun dilaksanakan.

Adalah menjadi kes responden bahawa pempetisyen telah mendorong mereka membeli saham-saham PUB itu yang pada kesemua masa material tidak boleh diperolehi supaya pempetisyen boleh dibayar fee serahhak yang melampaui batas bagi sempurnakan jual beli 11,408,000 saham PUB itu. Responden percaya pihaknya ada tuntutan yang sah bagi mendapat kembali RM2,139,000 yang mereka telah bayar kepada pempetisyen dan di samping itu berhak menuntut sejumlah RM181,840,000 yang merupakan kehilangan yang dialami oleh pihaknya akibat saham-saham PUB itu tidak dapat diperolehi. Mereka mendesak pempetisyen sedar pembayaran amaun tersebut di bawah nota janji hutang yang merupakan baki fee serahhak di bawah penyerahan hak itu tidak boleh dikuatkuasa dan/atau dipertikaikan. Responden juga mendesak pempetisyen telah gagal mengemukakan keterangan mengenai tuntutan mereka bahawa RCSB adalah sebenarnya pemilik berdaftar dan pemunya benefisial 11,408,000 saham PUB itu pada 23 Disember 1997 dan/atau RCSB berupaya memindah hakmilik di sisi undang-undang saham-saham PUB itu. Kesimpulannya responden mendesak adalah wajar petisyen dibatalkan memandangkan pempetisyen gagal menimbulkan anggapan bahawa wujudnya satu perjanjian antara pempetisyen dan responden dan/atau RPB yang sah dan yang boleh dikuatkuasakan.

Dalam hujahnya, selain daripada mempertikaikan versi responden tentang fakta-fakta yang mengelilingi transaksi itu, peguam pempetisyen menarik perhatian mahkamah kepada nota janji hutang yang mana adalah asas amaun tersebut yang dituntut oleh mereka dalam notis itu. Peguam menegas pempetisyen adalah seorang pemiutang dan oleh itu mempunyai *locus* untuk mengemukakan petisyen ini bagi menggulung responden. Bagi menyokong pendirian bahawa mereka adalah seorang pemiutang mendasarkan nota janji hutang itu, peguam merujuk kepada s. 88(1) Akta Bil Pertukaran 1949 yang dalam bahasa asalnya berbunyi:

> A Promissory Note is an unconditional promise in writing made by one person to another signed by the maker, engaging to pay on demand or at a fixed or determinable future time, a sum certain in money, to, or to the order of, a specified person or bearer.

Peguam juga merujuk kepada s. 93(a) Akta yang sama yang berbunyi:

> The maker of a promissory note by making it engages that he will pay it according to its tenor.

Selanjutnya peguam berhujah, mendasarkan peruntukkan-peruntukkan yang diturunkan di atas, adalah jelas nota janji hutang yang diterbitkan oleh responden mengesah pempetisyen adalah seorang pemiutang dan oleh itu berhak menggulungkan responden.

Apa yang jelas ialah amaun tersebut yang didakwa dihutang oleh responden adalah amaun yang dinyata dalam nota janji hutang itu, iaitu, RM40,641,000. Ini juga jelas daripada notis itu yang dikeluarkan oleh peguamcara pempetisyen yang, antara lain, berbunyi:

> TAKE NOTICE that we ... do hereby require you to pay the sum of Ringgit Malaysia Forty Million Six Hundred and Forty One Thousand (RM40,641,000) in accordance to the Promissory Note dated 12 September 1997 issued in favour of our clients pursuant to a Deed of Novation cum Assignment dated 12 September 1997.

Mendasarkan ini, pempetisyen menuntut mereka adalah pemiutang dan oleh itu berhak mengemukakan petisyen untuk menggulung responden. Apa yang jelas juga ialah hutang yang didakwa wujud itu dipertikaikan oleh responden.

Pada pendengaran permohonan melalui notis usul ini, peguamcara pempetisyen mengaku pihaknya tidak memperolehi hutang penghakiman terhadap responden bagi amaun tersebut. Walaupun demikian keadaannya, ia mendesak pempetisyen merupakan pemiutang mendasarkan nota janji hutang tersebut akibat kegagalan responden menurutinya. Peguam bertikai dakwaan responden mengenai niat-jahat pempetisyen, yang mana dinafi, tidak berkaitan dengan petisyen ini. Ia hujah pempetisyen hanya menguatkuasa haknya di sisi undang-undang dengan pemfailan petisyen ini bagi mendapat remedi yang dipohon. Pempetisyen selaku pemiutang berhak berbuat demikian tanpa mendapat hutang penghakiman terlebih dahulu.

Ia mendesak pihaknya hanya perlu menunjuk responden tidak membayar amaun tersebut. Ia berhujah nota janji hutang itu boleh disamakan sebagai pengakuan hutang dan apabila responden tidak membayar dalam masa 21 hari daripada tarikh penerimaan notis itu, anggapan timbul bahawa responden tidak berkemampuan membayar hutangnya dan oleh itu adalah tak solven.

Seksyen 218(1) Akta itu memperuntukkan keadaan-keadaan dalam mana sesuatu syarikat boleh digulung oleh mahkamah dan sub-s. (1)(e) seksyen yang sama memperuntukkan mahkamah boleh perintah sesuatu syarikat digulung jika syarikat itu tidak berkemampuan membayar hutangnya. Ini merupakan alasan tunggal pempetisyen. Seksyen 218(2) Akta itu memperuntukkan definasi apa yang dimaksudkan sebagai tidak berkemampuan membayar hutang dan ianya berbunyi:

A company shall be deemed to be unable to pay its debts if:

(a) a creditor by assignment or otherwise to whom the company is indebted in a sum exceeding five hundred ringgit then due has served on the company by leaving at the registered office a demand under his hand or under the hand of his agent thereunto lawfully authorized requiring the company to pay the sum so due, and the company has for three weeks thereafter neglected to pay the sum or to secure or compound for it to the reasonable satisfaction of the creditor;

(b) execution or other process issued on a judgment, decree or order of any court in favour of a creditor of the company is returned unsatisfied in whole or in part; or

(c) it is proved to the satisfaction of the court that the company is unable to pay its debts; and in determining whether a company is unable to pay its debts the court shall take into account the contingent and prospective liabilities of the company.

Apa itu "pemiutang"? Menurut *Osborne's Concise Law Dictionary* (Edisi ketujuh) seorang pemiutang ialah "a person to whom a debt is owing". Dalam petisyen ini, adakah pempetisyen merupakan seorang pemiutang? Untuk membuat mereka berhak memanggil diri mereka sebagai pemiutang, hendaklah wujudnya suatu hutang daripada responden kepada mereka yang belum dijelaskan. Dalam petisyen ini, pempetisyen belum memperolehi satu hutang penghakiman terhadap responden bagi amaun tersebut yang mana, jika ada, akan dengan jelas menunjuk mereka adalah pemiutang. Memandangkan itu adalah keadaannya, pempetisyen perlu menunjuk responden berhutang kepada mereka dan juga bahawa hutang tidak dipertikaikan.

Dalam kes ini pempetisyen hanya bergantung kepada nota janji hutang itu. Bolehkah dikatakan amaun tersebut yang dituntut melalui notis itu adalah amaun yang sebenarnya dihutang oleh responden? Saya tidak mendapat bagaimana amaun itu boleh dikatakan hutang tanpa wujudnya satu hutang penghakiman. Keadaan tidak menunjuk responden mengakui hutang yang dituntut itu. Sebaliknya pendirian responden adalah "share sale agreement," "corresponding share sale agreement" dan "Novation cum Assignment Agreement" tersebut adalah tak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan kerana perjanjian-perjanjian itu tidak pernah disempurnakan oleh kerana saham-saham itu tidak tersedia untuk dipindahkan kepada responden. Sama ada pempetisyen boleh mengambil tindakan untuk menguatkuasakan nota janji hutang itu boleh disoal memandang pempetisyen setakat ini masih belum memindah saham-saham PUB itu kepada responden. Jika ini kedudukan sebenarnya, saya tidak dapat melihat bagaimana nota janji hutang itu boleh dikuatkuasakan oleh pempetisyen.

Pada saya notis itu tidak merupakan keterangan *prima facie* amaun tersebut dihutang oleh responden. Notis itu menyerupai surat tuntutan sahaja dan fungsinya adalah untuk memberi notis tindakan undang-undang yang akan kelak terjadi, iaitu, satu petisyen bagi menggulungkan responden akan dikemukakan jika amaun tersebut tidak dijelaskan. Seksyen 218(1)(e) Akta itu memperuntukkan mahkamah boleh perintah sesuatu syarikat digulungkan jika syarikat itu tidak mampu membayar hutangnya. Seksyen 218(2) Akta itu memperuntukkan definasi tentang apa yang dimaksudkan sebagai tidak berkemampuan membayar hutang dan subseksyen kecil (2)(a) seksyen itu menyata sesuatu syarikat hendaklah dianggap tidak berkemampuan membayar hutangnya jika selaku penghutang ianya tidak membuat pembayaran dalam tiga minggu setelah notis itu diserahkan. Pada saya, notis itu tidak merupakan keterangan *prima facie* hutang itu wujud. Notis itu hanya merupakan surat tuntutan bagi menimbulkan anggapan responden tidak berkemampuan membayar hutangnya. Pempetisyen masih diperlukan membukti mereka adalah pemiutang dan bahawa amaun yang dinyatakan di dalam notis itu memang dihutang dan telah genap masa untuk pembayaran. Saya tidak dapat terima desakan pempetisyen bahawa mereka, mendasarkan nota janji hutang itu adalah pemiutang. Dalam kes *YPJE Consultancy Service Sdn Bhd v. Heller Factoring (M) Sdn Bhd* [1996] 3 CLJ 51, Ahmad Fairuz HMR memutus anggapan statutori ketaksolvenan timbul asalkan hutang yang tidak dipertikai melebihi RM500. Apa yang jelas di dalam kes itu ialah hutang itu tidak dipertikaikan. Di samping itu, pempetisyen dalam kes itu telah memperolehi hutang penghakiman sebelum ia memulakan tindakan bagi menggulung responden dalam kes itu.

Saya berpendapat apabila hutang yang didakwa wujud dan di samping itu bukan merupakan hutang yang diperolehi melalui suatu penghakiman dipertikaikan, sipemiutang tidak berhak mengemukakan petisyen penggulungan walaupun syarikat berkenaan itu taksolven. Dalam kes *Jurupakat Sdn Bhd v. Kumpulan Good Earth (1973) Sdn Bhd* [1988] 2 CLJ 649, pempetisyen, seorang pemborong pembinaan telah memfail petisyen bagi menggulung responden, sebuah syarikat pemaju perumahan kerana kegagalan membayar baki termasuk faedah bagi kerja-kerja yang disempurnakan oleh pempetisyen di bawah satu perjanjian pembinaan. Responden telah memohon untuk membatalkan petisyen di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-keadah Mahkamah Tinggi 1980 dan di bawah kuasa sedia ada mahkamah. Dalam membenarkan permohonan itu, Zakaria Yatim H (pada masa itu) berkata (di ms 651):

> It is common ground that there is no judgment debt in the present case. The question for the court to consider is whether the petitioner is a creditor and the respondent is a debtor. A creditor is a person who could enforce his claim against the company by an action of debt and a person cannot petition as a

creditor when he merely has a right of action against the company for unliquidated damages for breach of contract (see *Pennington's Company Law* (1985) 5th edn p 843). Where a petition is based on a debt which is disputed on substantial grounds, the petitioner is not a creditor (see *Re Lympne Investment Ltd* at p 389). If the petitioner is not a creditor, it is not entitled to present a petition or apply for a winding-up order. It has no *locus standi* and the petition must fail (see *Mann & Another v. Goldstein & Another* at p. 771).

Dalam kes dihadapan saya ini, memandangkan isu sama ada perjanjian-perjanjian itu boleh dikuatkuatkuasa dipertikaikan, saya berpendapat haluan yang tepat dan wajar adalah bagi pempetisyen memulakan satu tindakan untuk mengasaskan hutang yang kena dibayar dan bukannya petisyen penggulungan. Menurut s. 218(1)(e) Akta itu mahkamah boleh perintah sesuatu syarikat digulungkan jika syarikat itu tidak berkemampuan membayar hutangnya. Pada saya, perkataan "may" atau "boleh" yang terdapat di dalam peruntukkan itu dengan jelas bererti mahkamah mempunyai budibicara sama ada untuk menggulung syarikat berkenaan atau sebaliknya. Pempetisyen dalam kes ini telah menghantar apa yang dirujuk pada umumnya sebegai notis statutori di bawah s. 218(2)(a) Akta itu. Peguam pempetisyen menyata pihaknya hanya perlu menghantar notis sedemikian kerana amaun yang dinyata dalam notis itu dengan jelas dihutang oleh responden mendasarkan nota janji hutang itu yang mana merupai pengakuan hutang menurut s. 88(1) dan s. 93(a) Akta Bil Pertukaran 1949 dan berasaskan nota janji hutang itu juga, pempetisyen adalah *prima facie* seorang pemiutang dan berhak mengemukakan petisyen bagi menggulung responden.

Apakah fungsi sebenarnya notis di bawah s. 218(2)(a) Akta itu? Dalam kes *Sri Hartamas Development Sdn Bhd v. MBf Finance Bhd* [1992] 1 MLJ 313 di ms 317, mahkamah memutuskan fungsinya adalah untuk memberi notis kepada syarikat penghutang bahawa satu petisyen penggulungan kemungkinan akan dikemukakan terhadap mereka. Notis itu mesti meriwayatkan kepada suatu hutang spesifik yang amaunnya atau kewujudannya tidak boleh secara serius dipersoalkan. Dalam keadaan dimana amaun boleh dipersoalkan atau dicurigai dan tidak boleh disokong oleh penghakiman, petisyen itu seharusnya ditolak.

Dalam kes *In re Ban Hong Co Ltd* [1959] MLJ 100 mahkamah memutuskan sesuatu petisyen yang dikemukakan dengan tujuan untuk menguatkuasakan hutang yang dipertikaikan adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah dan hendaklah ditolak dengan kos. Dalam kes itu Rigby H berkata (di ms 103):

a It is well settled law that a winding-up petition is not to be used as machinery to try a common law action, and that the presentation of a petition for winding-up simply with a view to enforcing payment of a disputed debt is an abuse of the process of the Court and should be dismissed with costs.

b Saya bersependapat dengan hakim itu. Suatu petisyen penggulungan bukanlah cara yang tepat dan sah bagi menguatkuasakan pembayaran hutang yang belum diputuskan dengan jelas oleh mahkamah. Jika cara ini dipakai, mahkamah, apabila berhadapan dengan petisyen penggulungan yang mana hutang yang tidak disokong oleh penghakiman dipertikaikan, hendaklah pertamanya mengasaskan hutang yang kena dibayar, iaitu, sama ada amaun c yang dikatakan terhutang adalah amaun yang sebenarnya dihutang mendasarkan keterangan yang sedia ada. Hutang yang berasas notis di bahawa s. 218(2)(a) Akta itu dan bukannya penghakiman akan merumitkan atau memberi tekanan yang tidak perlu ke atas mahkamah-mahkamah yang mendengar petisyen penggulungan sedemikian, iaitu, sekiranya hutang yang d dinyata dalam notis itu dipertikaikan, mahkamah pada awalnya, perlu mendengar perbalahan tentang hutang itu supaya dapat memutuskan amaun yang sebenarnya dihutang oleh responden kepada pempetisyen. Hanya apabila hutang diputuskan barulah mahkamah boleh meneruskan prosiding untuk mendengar petisyen penggulungan itu. Soalan yang timbul ialah e adakah pemakaian haluan sedemikian tepat dan wajar bagi mahkamah yang mendengar petisyen penggulungan yang tidak disokong oleh hutang penghakiman? Keadaan akan menjadi lebih rumit jika responden mohon pendengaran petisyen selanjutnya ditangguhkan supaya beliau diberi peluang untuk merayu terhadap keputusan tentang hutang sahaja. Bagi mahkamah meneruskan pendengaran petisyen dan memberikan perintah penggulungan f seperti dipohon tanpa memberi responden peluang untuk merayu tentang hutang itu boleh menyebabkan kerosakan yang tidak dapat diperbaiki sekiranya rayuan terhadap keputusan hutang itu diketepikan oleh mahkamah rayuan.

g Mendasarkan alasan-alasan yang dibincang di atas, saya telah membenarkan permohonan responden untuk membatalkan petisyen penggulungan ini dengan kos sepertimana dipohon. Adalah tidak tepat dan wajar bagi pempetisyen mengemukakan petisyen ini apabila fakta menunjuk dengan jelas bahawa pada awalnya amaun tersebut yang dituntut itu, mendasarkan h nota janji hutang itu, dipertikaikan secara serius oleh responden. Saya juga mendapati tidak ada prejudis yang akan dialami oleh pempetisyen jika petisyen dibatalkan memandangkan pempetisyen masih berhak untuk membuat tuntutan terhadap responden bagi amaun tersebut melalui suatu guaman sivil.

i